



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

**REPUBLIK UGANDA DAN MALAYSIA MENEROKA PELUANG
KERJASAMA DALAM BIDANG PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN**

PUTRAJAYA, 24 APRIL 2025 - YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Lt. Col (Rtd) Bright Rwamirama, *Minister of State for Animal Industry*, Republik Uganda semalam. Beliau dan delegasi dari Republik Uganda berada di Malaysia sempena lawatan rasmi Menteri-Menteri Uganda ke Malaysia bagi menghadiri *Pearl of Africa Business Forum and Expo* yang berlangsung dari 23 hingga 24 April 2025 di Renaissance Hotel, Kuala Lumpur.

Ini merupakan pertemuan pertama antara kedua-dua negara bagi sektor pertanian. YB Datuk Arthur dan TYT Rwamirama telah mengambil peluang ini untuk meneroka peluang kerjasama dua hala serta bertukar-tukar maklumat mengenai perkembangan terkini dalam bidang pertanian, khususnya dalam bidang industri penternakan haiwan, pertanian dan perikanan.

Antara topik utama yang dibincangkan termasuklah kerjasama dalam penyelidikan ternakan dan pembangunan sistem penternakan yang mampan, inisiatif pemodenan pertanian tanaman dan industri perikanan dan akuakultur serta pembangunan kapasiti melalui latihan bagi pegawai pertanian, perikanan dan veterinar.

Di samping itu, YB Timbalan Menteri turut membincangkan potensi kerjasama melalui akses pasaran produk Malaysia ke Uganda bagi produk seperti vaksin haiwan, serta peluang untuk mengadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan bagi menangani isu-isu seperti perubahan iklim dan pemanasan global.

Hadir sama ialah YBhg. Dato' Nor Sam, Ketua Pengarah Pertanian; YBhg. Dato Adnan, Ketua Pengarah Perikanan; YBhg. Dato' Dr. Haji Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

24 APRIL 2025